



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KETTHA.800-2/3/7 JLD2 (19)

Tarikh: 31 Julai 2017

YBrs. Ir. Dr. Ismail Othman
Pengarah
Unit Perundingan Universiti Malaya
Tingkat 6, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

YBrs. Ir. Dr.,

PELANTIKAN *SUSTAINABILITY SCIENCE RESEARCH CLUSTER*, UNIVERSITI MALAYA SEBAGAI AGENSI PELAKSANA BAGI PROGRAM SUKARELAWAN HIJAU TEMASYA KUALA LUMPUR 2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jawatankuasa Inisiatif Hijau Kuala Lumpur 2017 yang dipengerusikan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah bersetuju untuk melantik *Sustainability Science Research Cluster*, Universiti Malaya yang diketuai oleh Prof Sumiani binti Yusoff sebagai agensi pelaksana bagi Program Sukarelawan Hijau Temasya Kuala Lumpur 2017 dengan peruntukan sebanyak RM127,000.00. Bersama-sama ini disertakan perincian terma rujukan pelantikan untuk makluman dan perhatian YBrs. Ir. Dr. jua.

3. Sehubungan itu, pihak Kementerian bersedia untuk mengadakan perbincangan lanjut bersama YBrs. Ir. Dr. bagi membincangkan perkara ini. Perhatian dan maklumbalas YBrs. Ir. Dr. amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ROGAYAH BINTI KADARI)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

TERMA RUJUKAN

1. **TAJUK PROJEK : PROGRAM LATIHAN DAN PENYELARASAN SUKARELAWAN HIJAU KUALA LUMPUR 2017**
2. **TEMPOH PROJEK : JUN – DISEMBER 2017**
3. **PENGENALAN KEPADA PROJEK**

Penganjuran temasya Sukan SEA ke 29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 di Kuala Lumpur pada 19-30 Ogos dan 17-23 September 2017 akan dilaksanakan secara lestari untuk meminimalkan impak negatif kepada alam sekitar.. Jawatankuasa Pengelola Kuala Lumpur 2017 telah menubuhkan Jawatankuasa Inisiatif Hijau dipengerusikan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk menyediakan strategi dan pelan tindakan Inisiatif Hijau Kuala Lumpur 2017 di mana objektif utama Inisiatif ini adalah:

- a. mengurangkan kadar pelepasan gas rumah kaca menerusi pengoperasian pengangkutan yang efisien dan pelaksanaan sistem pengurusan tenaga lestari;
- b. mengurangkan sisa pepejal ke tapak pelupusan melalui program kitar semula dan pengkomposan;
- c. memberi inspirasi dan meningkatkan kesedaran awam berkaitan kepentingan aplikasi dan amalan gaya hidup hijau; dan
- d. menyokong usaha pemeliharaan kawasan hutan simpan melalui program penanaman semula pokok.

Program Sukarelawan Hijau adalah salah satu program yang akan menjadi penggerak utama bagi menjayakan Inisiatif Hijau KL2017 dengan menyokong program kesedaran dan pendidikan dan program kitar semula semasa Temasya berlangsung. Sejumlah satu (1) ribu pelajar-pelajar dari lima buah universiti yang cenderung kepada pemuliharaan alam sekitar telah mendaftar untuk menjadi Sukarelawan Hijau.

4. **MATLAMAT DAN OBJEKTIF**

Membangunkan program sukarelawan hijau yang berkesan untuk menyokong aktiviti-aktiviti inisiatif hijau semasa temasya Kuala Lumpur 2017 untuk mencapai sasaran sebagai acara yang lestari

Objektif

- a. Memberikan kemahiran kepada pelajar-pelajar untuk mejadi sukarelawan-sukarelawan hijau yang mampu melaksanakan tugas-tugas dengan baik dan berkualiti
- b. Membangunkan program sukarelawan yang boleh di gunapakai untuk acara-acara sukan yang akan datang.

TERMA RUJUKAN

Sebelum Temasya Kuala Lumpur 2017

1. Penyediaan modul latihan Sukarelawan Hijau yang merangkumi lima (5) fokus utama iaitu polisi dan prosedur sukarelawan hijau, pengenalan kepada konsep sukarelawan hijau dalam konteks penganjuran acara sukan secara lestari, komunikasi berkesan untuk mencapai objektif memberikan kesedaran dan pendidikan kepada pengunjung, tatacara kerja dan pelan pelaksanaan semasa temasya, jadual kerja dan pelaporan kerja kepada ketua.
2. Menyediakan bahan-bahan latihan termasuk bahan cetak, grafik dan juga latihan simulasi di kawasan bertugas serta fasilitator untuk membantu semasa latihan dilaksanakan.
3. Merancang dan melaksanakan sesi-sesi latihan untuk semua sukarelawan hijau di universiti-universiti yang telah dikenalpasti mengikut tarikh yang dipersetujui.
4. Menyediakan jadual tugas sukarelawan dan pembahagian sukarelawan mengikut jenis tugas, kawasan bertugas, dan masa bertugas.
5. Menyediakan format pelaporan data untuk pengumpulan bilangan beg sisa buangan, bahan kitar semula, dan sisa makanan.
6. Membangunkan satu sistem atau struktur pengurusan kerja dan komunikasi antara ketua dan sukarelawan-sukarelawan untuk membantu mereka semasa menjalankan tugas.
7. Mencadangkan kaedah untuk mengurangkan ketidakhadiran dan mekanisme penggantian sukarelawan yang tidak dapat hadir untuk melaksanakan tugas.
8. Merangka kriteria penilaian untuk anugerah dan pengiktirafan kepada sukarelawan hijau yang dipersetujui bersama Jawatankuasa Hijau dan Sekretariat KL2017.

Semasa Temasya Kuala Lumpur 2017

1. Memantau sukarelawan dalam melaksanakan tugas semasa temasya berlangsung.
2. Memastikan skop sukarelawan dilaksanakan sepertimana dirancang. Skop sukarelawan meliputi perkara berikut:
 - a. Menyokong aktiviti promosi dan kesedaran Inisiatif Hijau KL2017 melalui laman sosial sebelum dan semasa temasya.
 - b. Menjadi duta Inisiatif Hijau KL2017 dengan memberi kesedaran kepada setiap pengunjung mengenai sistem 3R yang dilaksanakan di *venue* sukan.
 - c. Memastikan semua vendor di tapak karnival memberi kerjasama untuk pengasingan sisa pepejal.

- d. Memantau kebersihan di semua kawasan sekitar *venue* termasuk kawasan letak kereta, karnival dan tandas serta melaporkan kepada JK Teknikal Sisa mengenai kawasan dengan tahap *littering* yang tinggi.
- e. Memastikan pengunjung mengasingkan sisa makanan dan buang ke dalam tong yang disediakan.
- f. Memastikan bahan kitar semula, sisa makanan, dan sampah dikumpulkan berasingan di kawasan yang telah ditetapkan dan diambil oleh kontraktor.
- g. Membuat perkiraan jumlah beg sampah dan beg bahan kitar semula untuk pelaporan data pada setiap masa bertugas.
- h. Memantau pekerja kebersihan supaya melaksanakan operasi pembersihan kawasan yang telah dipersetujui.
- i. Memberi maklumbalas kepada pengurus pasukan Inisiatif Hijau mengenai masalah dan penambahbaikan yang perlu dilakukan.
- j. Bekerjasama dan membantu sukarelawan daripada bidang tugas yang lain.
- k. Tugas-tugas lain yang berkaitan dengan Inisiatif Hijau di *venue* dari semasa ke semasa.

Selepas Temasya Kuala Lumpur 2017

1. Menyediakan laporan penilaian keberkesanan latihan dan pencapaian sukarelawan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka berdasarkan latihan yang diberikan serta cadangan penambahbaikan.

Lain-lain Perkara

1. Pihak Perunding (Universiti Malaya) tidak bertanggungjawab dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung sebarang bentuk kerugian, ganti rugi, kos, tuntutan atau liabiliti sekiranya terdapat mana-mana peserta / pelatih Sukarelawan Hijau yang mengalami kehilangan atau kerosakan barangan peribadi, kecederaan diri, kemalangan mahupun yang melibatkan kehilangan nyawa.

SKOP KERJA DAN BIDANG TUGAS SUKARELAWAN HIJAU KL2017

1. Menyokong aktiviti promosi dan kesedaran Inisiatif Hijau KL2017 melalui laman sosial sebelum Temasya (**sokongan daripada JK Pemasaran untuk membangunkan aktiviti ini**)
2. Membantu JK Inisiatif Hijau untuk menyusun atur fasiliti yang berkaitan dengan program 3R di Kluster 1,2 dan 3
3. Memberi kerjasama kepada pegawai venue dan pegawai operasi venue supaya sistem pengurusan 3R yang telah disediakan berada dalam keadaan baik
4. Menjadi duta Inisiatif Hijau KL2017 dengan memberi kesedaran kepada setiap pengunjung dan mengenai sistem 3R yang dilaksanakan di venue sukan
5. Memastikan semua vendor di tapak karnival mengikut prosedur dan memberi kerjasama untuk pengasingan sisa pepejal
6. Memantau kebersihan di semua kawasan di sekitar venue termasuk kawasan letak kereta, carnival dan tandas serta melaporkan kepada JK Teknikal Sisa mengenai kawasan dengan tahap "littering" yang tinggi
7. Memastikan barang kitar semula, sisa makanan dan sampah di kumpulkan berasingan di kawasan yang telah ditetapkan dan kontraktor datang mengikut masa yang ditetapkan dalam SOP
8. Membuat timbangan sampah dan bahan kitar semula untuk pelaporan data pada setiap masa bertugas
9. Membantu pekerja kebersihan untuk mematuhi prosedur operasi pembersihan kawasan yang telah di persetujui
10. Memberi maklumbalas kepada pengurus pasukan Inisiatif Hijau mengenai masalah dan penambahbaikan yang perlu dilakukan
11. Memastikan kerjasama dengan sukarelawan dari JK Kecil yang berkaitan
12. Membantu tugas-tugas sukarelawan yang lain seperti menjadi petunjuk arah dan membantu pihak Sekretariat jika diperlukan
13. Tugas – tugas yang berkaitan dengan inisiatif hijau di venue utama dari semasa ke semasa.

Polisi Program Sukarelawan Hijau KL2017

1. Sukarelawan Hijau akan menjadi duta untuk menyokong dan menjayakan pelaksanaan program Inisiatif Hijau Kuala Lumpur 2017
2. Sukarelawan Hijau akan membantu para pengunjung Temasya KL2017 untuk mengasingkan sisa pepejal dengan betul di stesen kitar semula, memantau pembaziran elektrik dan air dan pembuangan sampah merata-rata (littering)
3. Pemilihan Sukarelawan Hijau adalah di kalangan pelajar-pelajar universiti tempatan yang mempunyai minat dalam pemuliharaan alam sekitar atau ahli Kelab Alam Sekitar.
4. Sukarelawan Hijau adalah penggerak utama yang membantu Jawatankuasa Sisa Pepejal dan Sekretariat KL2017 untuk mencapai objektif mengurangkan jumlah sisa pepejal ke tapak pelupusan dan menguruskan sumber-sumber secara lestari.
5. Jawatankuasa Inisiatif Hijau bertanggungjawab untuk menyediakan latihan dan kemahiran yang berseuaian kepada sukarelawan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.
6. Sekretariat KL2017 akan memastikan sukarelawan diberikan ruang kerja yang selesa dan selamat serta masa rehat yang mencukupi.
7. Sukarelawan Hijau perlu hadir semasa tarikh yang ditetapkan dan akan diberikan amaran sekiranya tidak hadir tanpa sebab munasabah.
8. Sekiranya Sukarelawan tidak hadir selama dua hari berturut-turut tanpa sebab yang munasabah nama mereka akan dikeluarkan daripada senarai sukarelawan hijau.
9. Sukarelawan Hijau perlu mematuhi semua prosedur dan peraturan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Sukarelawan
10. Jawatankuasa Inisiatif Hijau akan memberikan pengiktirafan kepada sukarelawan hijau yang memberikan perkhidmatan yang cemerlang
11. Setiap sukarelawan akan diberikan sokongan teknikal oleh ketua pasukan dan Jawatankuasa Teknikal Sisa semasa bertugas
12. Sukarelawan akan mendapat persalinan pakaian termasuk tiga baju-T, sepasang seluar dan sebuah topi.
13. Sukarelawan juga akan mendapat token makanan mengikut masa dan tempoh bertugas mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sukarelawan KL2017
14. Sukarelawan akan mendapat perlindungan insurans semasa tempoh menjalankan tugas di lokasi yang telah ditetapkan.